

400 Sertai larian amal penyayang



Pekan, 16 Apr- Larian Amal Penyayang 3.0 "Kesukarelawanan" anjuran Kelab Penyayang Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghimpunkan kira-kira 400 mahasiswa UMP bersama-sama anak-anak dari Rumah Anak Yatim Permata Camar, Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang dan Rumah Kebajikan Anak Yatim dan & Fakir Miskin Permata Insyirah.

Larian amal yang dianjurkan Kelab Penyayang ini merupakan kali ketiga penganjuran bagi meraikan anak-anak yatim sambil bermesra dengan mereka dengan pelbagai program yang diadakan bertemakan kesukarelawanan dengan tagline "We Act, We Help, Because We Care."

Lebih meriah program larian pada kali ini dimeriahkan dengan kehadiran Syamel Akmal Mohd Fauzi atau lebih dikenali sebagai Syamel AF 2015. Peserta berlari sejauh 5 km bagi perempuan dan anak-anak yatim manakala 8 km untuk peserta lelaki.



Menurut ketua program, Amira Mohd Mustafa, 23 dari Fakulti Pengurusan Industri berkata, sambutan larian amal tidak pernah mengecewakan sepanjang penganjurannya dengan kehadiran artis jemputan sedikit sebanyak dapat mengembirakan anak-anak yatim.

"Kali ini tema kesukarelawanan dipilih untuk memberi pendedahan mengenai program sukarela dan memupuk semangat kesukarelawanan dengan menjemput pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Ammar Rafiq Ruslan dari yang merupakan Tokoh Sukarelawanan Harapan IPT Peringkat Negeri dan merupakan calon kategori Sukarelawanan Harapan dalam Anugerah Tokoh Siswa 2015," katanya dalam program yang berlangsung di Dewan Kuliah 1, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.



Dalam program ini, Ammar berkongsi maklumat mengenai nilai-nilai sukarelawan yang membantu dirinya lebih berkeyakinan serta menggalakkan mahasiswa terlibat dalam aktiviti sukarela di samping membantu orang lain berdepan kesusahan.

Sementara itu, pemenang acara larian kategori mahasiswa dimenangi oleh Thinnieshkumaran A/L Ruggarudee, mahasiswi dimenangi Low Pei Wen manakala kategori rumah kebajikan dimenangi oleh Ahmad Tarmizi dari Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang. Manakala pemenang pertandingan melukis dimenangi Siti Nur Naliana Syarina Shaari dari Permata Al-Insyirah. Bagi pertandingan mewarna dimenangi Tsuwaibatul Lulyah Abdul Hamed dari Hembusan Kasih Sayang

Majlis turut dihadiri Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Hj. Safie, Pengetua Kolej Kediaman 2, Nasrul Salim Pakheri dan Penasihat Kelab Penyayang, Rozana Sahadan.



Berita disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan foto oleh Naufal Samsuddin dari Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 21-04-2016, 15:13:38